

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

STU 451 - Perundangan Sosial

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan semuanya.

Soalan 1 **WAJIB** dijawab. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

BAHAGIAN I:

Jawab **SOALAN 1** dan pilih **SATU** yang lain dalam Bahagian ini.

SOALAN 1

- [a] Bila undang-undang negeri (State Law) tidak konsisten dengan undang-undang persekutuan (Federal Law) yang mana diantaranya akan diberi keutamaan?

Beri alasan untuk jawapan anda.

- [b] Apabila wujudnya sesuatu konflik di antara Common Law dan prinsip equiti mengenai isu yang sama, yang mana patut dipilih untuk diamalkan?

- [c] Berdasarkan fakta-fakta dan situasi yang sama Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan "X" pada tahun 1987 dan Mahkamah Agung telah membuat keputusan "Y" pada tahun 1990; patutkah Mahkamah Tinggi mengikut keputusan "X" ataupun keputusan "Y" bila memutuskan kes yang serupa pada tahun 1994?

Beri alasan untuk jawapan anda.

- [d] Huraikan prinsip "duluhan" (precedent) dan doktrin stare decisis.

[100 markah]

SOALAN 2

- [a] Huraikan hirarki sistem mahkamah yang wujud di Malaysia kini.
- [b] Jelaskan sekurang-kurangnya TIGA (3) kebaikan dan TIGA (3) keburukan "judge made law"
- [c] Bandingkan dan bezakan sistem 'adversarial' dengan sistem 'inquisitorial'
- [d] Apakah Perlembagaan Persekutuan? Nyatakan 4 PERKARA/ARTIKEL di dalamnya.
[100 markah]

ATAU

SOALAN 3

- [a] Beri penjelasan tentang prinsip demokrasi. Apakah kaitannya dengan doktrin perasingan kuasa dan sistem undang-undang?
- [b] Tulis nota ringkas mengenai
 [i] Akta Induk, dan
 [ii] Perundangan Perwakilan/Subsidiari.
[100 markah]

... 3/-

BAHAGIAN II:

Jawab **SATU** (1) soalan dari Bahagian ini.

SOALAN 4

- [a] Apakah matlamat undang-undang jenayah dan nyatakan sejauhmanakah objektif-objektifnya telah dicapai di negara kita?
- [b] Apakah yang dimaksudkan dengan jenayah tanggungan keras (strict liability crimes)?

Gunakan contoh-contoh dalam jawapan anda.

ATAU

SOALAN 5

- [a] Apakah fungsi undang-undang keluarga dalam setiap masyarakat?
- [b] Di Malaysia wujudnya dua sistem yang berasingan bagi undang-undang keluarga. Apakah dua sistem tersebut dan Akta-Akta berkenaan?
- [c] Puan Haroon, adalah seorang wanita keturunan Inggeris yang telah memeluk agama Islam. Dia mempunyai 3 orang anak dan sekarang dia bercadang untuk menceraikan suaminya dan ingin membuat permohonan untuk meletakkan anak-anak tersebut dibawa jagaannya.
- (i) Beri nasihat pada Puan Haroon mengenai mahkamah relevan yang akan mengendalikan masalahnya.
- (ii) Adakah jawapan anda berlainan sekiranya dia beragama Kristian?